

January 2016



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA  
SARAWAK

7<sup>th</sup>  
ISSUE

# info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



## UiTM Transformation Program

ISSN 2232-1578



9 772232 157005

# Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-8 (KAIB 8)

Oleh: Saimi Bujang dan Yeo Jiin Yih

Pada 2 dan 3 September 2015, UiTM Sarawak dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam (UNISSA), UiTM Sabah dan Pusat Da'wah Negara Brunei Darussalam telah berjaya mengadakan Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-8 (KAIB 8). Konferensi yang bertema "Melestari Da'wah dan Tamadun Islam di Borneo" diadakan di Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam (UNISSA).

Majlis perasmian konferensi dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, manakala Majlis Penangguhan disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin, Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. Jumlah keseluruhan kertas kerja yang dibentangkan adalah sebanyak 137, iaitu 7 ucapan dan 130 kertas kerja. Para akademik



dan penyelidik adalah terdiri daripada pembentang dari Malaysia, Brunei dan Indonesia. Medium bahasa yang digunakan adalah Bahasa Melayu, Bahasa Indonesia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab.

Diharapkan program ini berterusan dalam wacana ilmu dengan penyertaan daripada umat Islam dan agama lain yang ingin berkongsi mengenai pengetahuan Islam.

## SIMPOSIUM PRA-SISWAZAH 2015 FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA, UiTM SARAWAK

Pada 20 Oktober 2015 yang lepas, satu majlis perasmian Simposium Pra-Siswazah anjuran Fakulti Kejuruteraan Kimia, UiTM Sarawak telah diadakan bertempat di Dewan Kuliah 3, Blok M, UiTM Sarawak, Kota Samarahan. Perasmian telah disempurnakan oleh Profesor Dato' Dr. Jamil Hj. Hamali, Rektor UiTM Sarawak. Bertemakan menjana kekayaan dari sisa buangan, projek tahun akhir para pelajar Diploma Kejuruteraan Kimia ini bertujuan sebagai platform bagi pelajar merasai sendiri bagaimana pembentangan hasil penyelidikan dijalankan selain menyemai minat dalam kerja-kerja penyelidikan sekaligus memainkan peranan mereka secara aktif dan produktif dalam dunia penyelidikan universiti dan seterusnya mencetuskan kecemerlangan akademik.

Seramai 35 orang pelajar telah menyertai simposium yang berlangsung selama satu hari ini. Pelajar dibahagikan kepada 16 buah kumpulan di dalam kategori berlainan. Apa yang menarik mengenai simposium ini adalah, biokompos yang dihasilkan adalah 95% dari sisa buangan seperti sisa lanskap yang dijadikan biochar menggunakan tong minyak buangan dan dicampur dengan sisa makanan yang diperolehi di sekitar kafeteria universiti. Campuran dijalankan di dalam tempat khas yang dinamakan 'composter'. Setelah 20 hari, kompos sedia untuk digunakan ke atas tanaman. Setiap pelajar diberikan tugas untuk membuat penyelidikan bagi setiap parameter biochar dan biokompos. Hasil penyelidikan ini nanti akan diaplikasi bagi membantu penduduk setempat sekitar Kota Samarahan sebagai projek perintis sekaligus dijangka dapat mengurangkan sisa buangan serta menjana pendapatan sampingan.





UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA  
SARAWAK

## Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak  
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,  
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,  
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300  
E-mail: [corporate@sarawak.uitm.edu.my](mailto:corporate@sarawak.uitm.edu.my)  
[www.sarawak.uitm.edu.my](http://www.sarawak.uitm.edu.my)